

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 MEI 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	NICE 2015	Utusan Malaysia
2.	Produk teknologi impak tinggi terus diperkukuh	Berita Harian
3.	Tumpu produk impak tinggi	Harian Metro
4.	Mosti sasar kadar pengkomersialan inovasi meningkat kepada 15 peratus	BERNAMA
5.	Bantu petani serap rugi	Harian Metro
6.	Bahan rujukan kelembapan padi dan beras sukat dengan tepat	BERNAMA
7.	RMK11: Majlis Produktiviti Negara garis hala tuju, kerangka komprehensif produktiviti	BERNAMA
8.	ITEX MALAYSIA 15	Berita Harian
9.	Hari Unesco Malaysia 2015	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 07
TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)



15 nice
NATIONAL INNOVATION
CONFERENCE AND EXHIBITION

 **mosti**
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Ministry of Science, Technology and Innovation

**melewati
inovasi**

**Sertai
Kami!**

**21 • 23
MEI 2015** | PUSAT KONVENSYEN
KUALA LUMPUR
(KLCC)

- ▶ PERSIDANGAN
- ▶ PAMERAN
- ▶ PADANAN PERNIAGAAN
- ▶ KLINIK DANA

YB Datuk Dr. Ewon Ebin
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

   

#NICEMOSTI2015 www.mosti.gov.my/nice2015

Produk teknologi impak tinggi terus diperkukuh

» Kerajaan sasar tingkat kadar pengkomersialan kepada 15 peratus

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Kerajaan menyasar untuk meningkatkan kadar pengkomersialan produk teknologi berimpak tinggi tempatan kepada 15 peratus menjelang tahun 2020, berbanding hanya lapan hingga sembilan peratus sekarang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata sasaran berkenaan membolehkan lebih banyak produk berimpak tinggi dalam sektor elektronik, perubatan dan bioteknologi menembusi pasaran antarabangsa.

"Di kebanyakan negara maju, kadar pengkomersialan produk teknologinya adalah melebihi 15 peratus. Kadar pengkomersialan di negara ini masih lagi agak rendah dan disebabkan itulah sasaran berkenaan diletakkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan ibu pejabat baharu syarikat bioteknologi antarabangsa, QIAGEN NV.

Yang turut sama melancarkan ialah Duta Jerman ke Malaysia, Holger Wilfried Michael serta Naib Presiden dan Ketua Operasi Komersial Sains Hayat dan Molekular Asia Pasi-



Abu Bakar (tengah) bersama Martin (kiri) dan Michael pada pelancaran ibu pejabat baharu syarikat QIAGEN NV di Kuala Lumpur, semalam.
[FOTO MIOR AZFAR MIOR KAMARULBAID/BH]

fik QIAGEN, Ian Martin.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata sasaran meningkatkan kadar pengkomersialan produk berimpak tinggi itu juga membolehkan sebanyak 360 produk sedemikian dapat dihasilkan dalam tempoh enam tahun sehingga 2020.

Sasar 60 produk

Katanya, kerajaan menyasarkan sekurang-kurangnya 60 produk teknologi berimpak tinggi dapat dihasilkan sepanjang tempoh itu.

"Tahun lalu, sebanyak 65 produk teknologi berimpak tinggi berjaya dihasilkan, membolehkan sasaran yang ditetapkan berada dalam landasan yang baik. Angka bagi tahun ini akan dikemaskini tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata, sepanjang

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), MOSTI juga sudah meluluskan geran pengkomersialan berjumlah RM906 juta bagi 1,732 jenis produk setakat 31 Mac lalu.

Beliau berkata, MOSTI menawarkan tiga bentuk geran iaitu Science Fund dengan peruntukan sehingga RM500,000 bagi setiap produk, Inno Fund (RM500,000) dan Techno Fund (RM3 juta).

Sedia dana

"Bagi yang mahu memohon geran bernilai lebih tinggi, kerajaan menyediakan dana Flagship Grant yang mempunyai peruntukan sehingga RM20 juta bagi setiap produk. Bagaimanapun, ia memerlukan penyertaan tiga pihak iaitu penyelidik, rakan pelaksana dan agensi kerajaan," katanya.

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata penyertaan QIAGEN ke dalam pasaran Malaysia sejak sedekad lalu adalah bertepatan dengan strategi MOSTI untuk menambah baik nilai ekonomi dan rakyat negara ini.

"Paling penting, QIAGEN melakukan kerjasama dengan membentuk pakatan bersama Kementerian Kesihatan, universiti, syarikat lain serta NGO.

"Peralatan penyelidikan biologi syarikat yang menggunakan analisis genetik serta ujian molekular membantu penyelidik tempatan dalam meningkatkan pengetahuan dan inovasi mereka," katanya.

QIAGEN, yang syarikat pegangannya berpangkalan di Venlo, Belanda adalah penyedia global sampel bagi menukar bahan biologi menjadi molekul bernilai.

Oleh Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan peningkatan kadar pengkomersialan inovasi tempatan kepada 15 peratus menjelang 2020 berbanding sembilan peratus pada masa ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, sasaran itu adalah selaras matlamat kerajaan untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Kami turut menyasarkan untuk mengkomersialkan 60 produk berimpak tinggi pada setiap tahun bagi memastikan sasaran untuk mencapai jumlah keseluruhan sebanyak 360 produk tercapai dalam tempoh masa sama," katanya pada pembukaan pejabat baru Qiagen Biotechnology Malaysia Sdn Bhd di sini, semalam.

Beliau berkata, Mosti sudah memperuntukkan geran berjumlah RM9.06 juta sehingga 31 Mac lalu di bawah Rancangan Malaysia ke 10 2011-2015 dengan membabitkan kelulusan sebanyak 1,732 projek.

Produk berimpak tinggi adalah membabitkan produk elektrik dan bioteknologi yang memberi impak baik kepada pengguna tem-



DR Abu Bakar (tengah) pada pembukaan pejabat baru Qiagen Biotechnology Malaysia.

Tumpu produk impak tinggi

■ MOSTI sasar kadar komersial inovasi tempatan cecah 15 peratus menjelang 2020

patan dan antarabangsa.

"Kami akan terus menawarkan geran kepada syarikat yang menghasilkan produk berinovasi melalui tiga dana sedia ada iaitu Dana Sains MOSTI (ScFund), Dana Inovasi (InoFund) dan Dana Teknologi (TeknoFund) dan dana tambahan bagi projek yang berdaya saing tinggi," katanya.

Dalam perkembangan sama, Abu Bakar berkata, MOSTI berhasrat untuk mewujudkan budaya inovasi dengan lebih menghargai produk inovasi tempatan.

"Secara umumnya, rakyat Malaysia memang memiliki kreativiti dan mampu menghasilkan produk inovasi, namun ia tidak dihargai serta mendapat sambutan

daripada pengguna di sini.

"Oleh sebab itu, kebanyakan bakat mahir tempatan pergi ke luar negara untuk mempromosikan produk mereka yang lebih dihargai negara luar. Kita perlu ubah sikap ini dan syarikat tempatan perlu mempromosikan produk berimpak tinggi ciptaan bakat tempatan," katanya.



Mosti Sasar Kadar Pengkomersialan Inovasi Meningkat Kepada 15 Peratus

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) menyasarkan kadar pengkomersialan inovasi tempatan meningkat kepada 15 peratus menjelang 2020 berbanding sembilan peratus pada masa sekarang.

[Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata sasaran itu adalah seiring dengan matlamat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan negara maju pada 2020.

"Kita juga mahu mengeluarkan sehingga 360 produk berimpak tinggi pada 2020. Sasaran ini boleh dicapai memandangkan syarikat tempatan sudah mengeluarkan 60 produk berimpak tinggi setiap tahun," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan pejabat baharu Qiagen Biotechnology Malaysia Sdn Bhd di sini hari ini.

Beliau berkata produk berimpak tinggi hasil syarikat tempatan adalah produk elektrik, perubatan dan biotek yang memberikan kesan baik kepada pengguna tempatan dan luar negara.

Katanya kerajaan akan terus menyediakan geran kepada syarikat yang menghasilkan produk inovasi.

Mengenai Rancangan Malaysia Ke-11 yang dijadual dibentangkan esok, Abu Bakar berkata kementerian berkenaan mahu mewujudkan budaya inovasi.

"Walaupun rakyat Malaysia adalah kreatif secara semulajadi, pengguna enggan menggunakan produk baharu yang dihasilkan oleh syarikat tempatan.

"Ini menyebabkan ramai rakyat Malaysia yang berkemahiran pergi ke luar negara untuk mempromosi produk mereka kerana mereka adalah bernilai dan diterima oleh masyarakat luar negara.

"Kita sewajarnya mengubah tingkah laku ini dan syarikat tempatan perlu berani untuk mempromosi produk berimpak tinggi yang dicipta oleh bakat tempatan," katanya.

Qiagen, syarikat berpangkalan di Belanda, merupakan peneraju global yang membantu mengubah sampel biologi kepada molekul yang bernilai.

-- BERNAMA

Bantu petani serap rugi

Selangor: Makmal Metrologi Kebangsaan (NML) SIRIM Berhad memperkenalkan bahan rujukan kelembapan padi dan beras bagi membantu petani mengurangkan kerugian ketika proses penetapan kadar potongan harga berikutan hasil padi dan beras yang lembap.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah berkata, bahan rujukan berkenaan urusan niaga itu membantu petani mengendalikan jualan lebih adil selain menjamin kualiti beras yang dipasarkan.

Beliau berkata, petani juga tidak rasa teraniya sekiranya ada pertikaian harga antara kedua-dua pihak terutama antara petani dan pemborong.

"Penggunaan bahan rujukan berkenaan secara tidak langsung dapat mengurangkan konflik antara mereka. Jika dulu petani tim-



DR Abu Bakar (dua dari kiri) mendengar penerangan mengenai alat penimbang kandungan lembapan dalam beras.

bang 100 kilogram padi, namun bila jual pada pemborong mereka hanya dibayar pada kadar 90 kilogram kerana kadar kelembapan padi sudah berlebihan.

"Atas sebab itu bahan rujukan ini sangat membantu malah kadar yang ditetapkan mengikut piawaian an-

tarabangsa," katanya pada sidang media sempena sambutan Hari Metrologi Sedunia, di sini semalam.

Hadir sama Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof dan Pengarah International Bureau of Weight and Measures (BIPM) Dr Martin Milon.



Bahan Rujukan Kelembapan Padi Dan Beras Sukat Dengan Tepat

SEPANG, 20 Mei (Bernama) -- Makmal Metrologi Kebangsaan SIRIM (NML-SIRIM) telah membangunkan bahan rujukan kelembapan padi dan beras yang mampu menyukat kelembapan dengan tepat.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata pengukuran kelembapan padi dan beras adalah sangat penting kerana kandungan kelembapan akan memberi kesan kepada hasil penuaian, simpanan, hasil pengilangan dan kualiti beras yang dipasarkan.

"Sudah berpuluh-puluh tahun kita menghadapi masalah untuk menentukan kelembapan padi. Kelembapan ini tidak disukat dengan teliti sehingga menimbulkan rungutan dalam kalangan petani. Mereka juga tidak mempunyai alat untuk menentukur kelembapan padi dan beras.

"Dengan adanya bukti (sukatan kelembapan) yang kukuh ini, ia mengembalikan keyakinan dan mengurangkan konflik antara petani dan pemborong," katanya pada sidang media selepas sambutan Hari Metrologi Sedunia bertemakan Pengukuran dan Cahaya, di NML di sini Rabu.

Hari Metrologi Sedunia disambut secara serentak dengan 17 negara lain untuk memperingati Konvensyen Meter pada 20 Mei 1875. Konvensyen Meter juga membentuk satu rangka kerjasama antarabangsa dalam bidang sains pengukuran kepada industri berkaitan.

Bahan rujukan yang dibangunkan itu ditawarkan bagi kerja-kerja menentukur dan menentusahkan meter alat pengukur kelembapan padi dan beras oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Perkhidmatan tentukuran kelembapan beras NML-SIRIM juga diperluaskan kepada agensi-agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan kualiti padi dan beras negara seperti Beras Nasional (Bernas), Lembaga Pemasaran Pertanian dan Persekutuan (FAMA), Univesiti Pertanian Malaysia (UPM), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), pengilang dan pemborong beras serta persatuan-persatuan petani.

Sementara itu, Abu Bakar berkata perkhidmatan tentukuran terbaharu NML-SIRIM adalah bagi Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang dibangunkan bersama Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Beliau berkata sistem itu dapat membantu kerja-kerja tentukuran dan verifikasi terhadap semua sistem AES untuk penguatkuasaan JPJ dengan lebih berkesan.

"Sistem perkhidmatan tentukuran ini adalah setanding dengan negara-negara maju bagi menjamin ketelusan dan menepati piawaian antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA



RMK11: Majlis Produktiviti Negara Garis Hala Tuju, Kerangka Komprehensif Produktiviti

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Majlis Produktiviti Nasional akan diwujudkan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) menggaris hala tuju dan merangka tindakan komprehensif spesifik dalam memacu produktiviti mengikut Pelan Tindakan Produktiviti Nasional yang akan digubal, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam pembentangan RMK11 di Dewan Rakyat, Khamis, Najib berkata antara langkah meningkatkan produktiviti adalah penubuhan Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata pasukan berkenaan akan menyelaras dan memantau pelaksanaan Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan.

"Sektor industri pengangkutan dan penyimpanan dijangka berupaya mewujudkan sejumlah 146,000 peluang pekerjaan baharu berkemahiran tinggi kepada rakyat," katanya.

Perdana menteri menegaskan untuk sentiasa kekal mendepani kelok kemajuan, Malaysia akan terus membudayakan inovasi yang membawa kepada peningkatan produktiviti dalam semua peringkat, sama ada peringkat nasional, industri mahupun perusahaan.

"Dalam usaha meningkatkan lagi tahap inovasi negara, kerajaan akan mengambil pendekatan yang pelbagai.

"Umpamanya, peralihan daripada pendekatan secara 'government-centric' kepada pendekatan keseluruhan masyarakat dan memberi peluang kepada penglibatan organisasi berasaskan komuniti," katanya.

Selaras dengan itu, kata Najib kerjasama penyelidikan antara kerajaan, industri dan ahli akademik akan diperkembangkan.

"Satu contoh sedia ada adalah seperti Steinbeis Malaysia Foundation, [SIRIM-Fraunhofer](#) dan Jaringan Penyelidikan Awam Swasta yang ditubuhkan bagi meningkatkan pengkomersialan hasil penyelidikan," kata Najib.

Sehubungan itu, menjelang tahun 2020, pengkomersialan output penyelidikan dan pembangunan (R&D) disasar meningkat kepada 10 peratus berbanding lima peratus pada tahun 2013," katanya.

Mengenai Pertumbuhan Hijau, Najib berkata pada Sidang Kemuncak Perubahan Iklim Copenhagen 2009, Malaysia secara sukarela mensasarkan pengurangan intensiti pelepasan gas rumah hijau atau 'Greenhouse Gas' daripada Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK) sehingga 40 peratus menjelang tahun 2020.

"Sehingga akhir tahun 2013, Malaysia telah berjaya mengurangkan sebanyak 33 peratus intensiti pelepasan Greenhouse Gas daripada KDNK, hasil daripada pelaksanaan langkah mitigasi," katanya.

--BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B3
TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)

ITEEX '15
MALAYSIA
Pameran Rekapipta & Inovasi Antarabangsa ke-26

**PAMERAN INNOVASI
TERULUNG DI ASIA**

**21 > 23 MEI 2015 KUALA LUMPUR
CONVENTION CENTRE**

BERLANGSUNG SETARA PAMERAN BERSAMA

15 nice
NATIONAL INNOVATION
CONFERENCE AND EXHIBITION

AYIE
ASIAN YOUNG INVENTORS
EXHIBITION 2015

MY IE
MALAYSIAN YOUNG
INVENTORS EXHIBITION 2015

Dibuka Hari Ini

Dianjurkan oleh:  MINDS
Malaysian Innovation and
Design Society (MINDS)

Dipaparkan oleh:  CIS
CIS INNOVATION DATA 2015
CONFERENCE

Acara Rasmi:  ACIA
ASIAN YOUNG INVENTORS EXHIBITION 2015

Dikendalikan oleh:  MAM
Malaysian Association of
Manufacturers

Penaung:  THE MINISTRY OF SCIENCE,
TECHNOLOGY AND INNOVATION
MALAYSIA

Dengan Kerjasama:  INNOVATION
2015

Dipaparkan oleh:  MOSTI
Ministry of Science,
Technology and Innovation

Dipaparkan oleh:  MINISTRY OF
EDUCATION
MALAYSIA

Dipaparkan oleh:  JFIA
Johor Federal Industrial
Association

Dipaparkan oleh:  MAM
Malaysian Association of
Manufacturers

Dipaparkan oleh:  MAM
Malaysian Association of
Manufacturers

Dipaparkan oleh:  MAM
Malaysian Association of
Manufacturers

Imbas sini atau layari
www.itex.com.my
untuk maklumat terlanjut

Masuk adalah percuma. Pengunjung dikehendaki
berpakaian kemas untuk akses kemudahan.
Pihak pengunjung berhak untuk menolak akses
mengunjungi pameran pada bila bila masanya.



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 05
TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)

 In support of UNESCO'S 70th Anniversary Celebrations
United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

Dianjurkan oleh:
 Malaysian National Commission for UNESCO
United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

  KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

HARI UNESCO MALAYSIA 2015 TOGETHERNESS

22 - 24 Mei 2015 | 10 pagi - 10 malam | DATARAN MERDEKA

 AMAZING HERITAGE RACE
WAKILAN BERSAMA

 SANTAI DI TENGAH KOTA

 PERTANDINGAN LUKISAN KAPUR JALANAN

 PEMOTRETAN STREETSCAPE JALAN RAJA

 Kumpul + Cantum
Untuk Hari UNESCO

 ASEAN PUPPETRY CONFERENCE 2015
MAKING IT RELEVANT

#myUNESCO2015

Dengan kerjasama:

 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

 MOSTI
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

 KEMENTERIAN KEMAJLIHAN DAN KEMENTERIAN KEMAJLIHAN MALAYSIA

 KKMM
KEMENTERIAN KEMAJLIHAN DAN KEMENTERIAN KEMAJLIHAN MALAYSIA

 Kementerian Pendidikan, Kebudayaan dan Masyarakat